

# Pengunduran Chong tak lemah jentera: PM

BH- 14/4/2007

## Kekosongan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah diganti segera

Oleh Abdul Halim Yusoff

**P**ETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Chong Kah Kiat, tidak akan melemahkan jentera pentadbiran kerajaan negeri berkenaan.

Perdana Menteri berkata, peletakan jawatan Chong daripada Kabinet Sabah juga bukan satu kehilangan kerana jawatan beliau tidak dibiarkan kosong untuk tempoh lama.

“Saya menerima peletakan jawatan beliau daripada Kabinet (Sabah)... biar beliau berehat dan saya mengucapkan terima kasih kepadanya atas khidmat diberikan sebagai menteri (negeri),” katanya selepas merasmikan Persidangan Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam: Penambahbaikan Urusan Pemajuan Serta Penyenggaraan Dan Pengurusan Hartanah, di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas peletakan jawatan Chong sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah, berkuat kuasa Isnin ini, tetapi kekal sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Kapor.

Dalam sidang medianya di Kota Kinabalu, semalam, Chong yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri memberitahu, keputusan berundur daripada Kabinet Sabah itu sudah lama di fikirannya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak terkejut dengan keputusan Chong berundur daripada Kabinet Sabah kerana pemimpin itu pernah menyuarakan hasrat berbuat demi-

kian sebelum ini dengan alasan mahu berehat.

“Ketua Menteri Sabah (Datuk Seri Musa Aman) sudah memaklumkan peletakan jawatan Chong itu kepada saya. Saya tiada halangan,” katanya.

Ditanya sama ada peletakan jawatan itu ada kaitan dengan cadangan projek pembinaan sebuah patung besar di Sabah, Abdullah berkata, perkara itu tidak disebut dalam alasan kenapa Chong berundur.

Dalam perkembangan lain, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, jawatan Ketua Polis Kuala Lumpur yang kosong sejak empat bulan lalu, diisi tidak lama lagi dan calon sudah dikenal pasti.


Sementara itu, Musa yang ditemui pada majlis sama berkata, kerajaan negeri menerima peletakan jawatan Chong dan mengucapkan terima kasih atas sumbangan beliau selama ini sebagai Timbalan Ketua Menteri.

Ditanya jika beliau terkejut dengan peletakan jawatan itu, Musa berkata, Chong memang sudah lama menyuarakan hasrat untuk berhenti dan mungkin (beliau rasa) sekarang masa yang sesuai untuk berundur.

Ketika ditanya apa dimaksudkan Chong yang menyebut beliau berundur kerana prinsip, Musa berkata, beliau tiada masalah dengan timbalannya itu.

Musa juga berkata, beliau tidak tahu mengenai dakwaan pelbagai pihak di Sabah yang menyebut bahawa peletakan jawatan Chong disebabkan wujud perbezaan pendapat antara mereka berdua.

Mengenai pengganti Chong, Musa berkata, beliau akan menimbang perkara itu.



SECARA RASMI: Chong menunjukkan surat peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah, semalam.